



**KENYATAAN MEDIA**  
**KESATUAN PERKHIDMATAN IMIGRESEN SEMENANJUNG MALAYSIA (KPISM)**  
**TARIKH: 09 JULAI 2018**

---

**KPISM GESA SEMUA PIHAK HORMATI BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DILAKSANAKAN OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) yang mewakili 14,000 orang pegawai imigresen di seluruh negara menggesa semua pihak agar menghormati tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

KPISM berpandangan adalah tidak adil apabila JIM yang menjalankan tugas, tanggungjawab dan amanahnya untuk membanteras pendatang haram di negara ini mengikut lunas undang-undang dan peraturan tetapi dipersalahkan.

Pendatang haram ini adalah golongan orang yang masuk atau berada di dalam sesebuah negara secara tidak sah atau lebih tepat secara haram seperti mana ketetapan antarabangsa, apabila mereka tidak mengikut undang-undang sesebuah negara.

Pendatang haram ini merupakan salah satu elemen ancaman kedaulatan dan keselamatan yang perlu diberikan perhatian serius. Lambakan pendatang haram di negara ini tentunya memberi pelbagai kesan keselamatan apabila lambakan mereka yang tidak dikawal mengakibatkan tahap keselamatan, kestabilan dan perubahan sosiobudaya negara diancam dengan pelbagai bentuk ancaman. Antaranya seperti hak asasi manusia, konflik etnik, sosiaobudaya, demografi, ekonomi malah politik.

Tindakan Jabatan Imigresen Malaysia adalah demi menjaga kedaulatan dan keselamatan negara ini dari sebarang ancaman.

KPISM juga sentiasa menekankan kesiapsiagaan ahlinya yang merupakan warga kerja JIM di segenap lapisan bagi memartabatkan pertanggungjawaban yang diberikan serta dilaksanakan secara terbaik, adil dan saksama dengan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan.

Kepada masyarakat Malaysia amnya, pertanggungjawaban mendaulatkan keselamatan dan kesejahteraan negara memerlukan **penggembengan azam dan iltizam secara bersama** bagi menentukan negara berdaulat, menentukan sempadan negara tidak diceroboh, memastikan keselamatan negara sentiasa utuh dan terpelihara, kesejahteraan rakyat dan warganya terjamin sentiasa.

KPISM menyokong agar usaha yang dilaksanakan JIM bagi membanteras pendatang haram di negara ini diteruskan tanpa kompromi. **Ketegasan Ketua Pengarah JIM adalah simbol kesepaduan ketegasan seluruh warga kerja JIM.**

**Kedaulatan dan Keselamatan Tanpa Kompromi**

**#TAMAT#**

**SAUDARA NORHISHAM BIN MURUJAN**  
PRESIDEN, KESATUAN PERKHIDMATAN IMIGRESEN SEMENANJUNG MALAYSIA  
**(012-711 5631)**